


► Tatabahasa

Tukarkan ayat aktif yang bergaris dalam petikan kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya. **SP 5.5.1**



Kerajaan menggalakkan orang ramai untuk menceburi bidang teknologi. Untuk merealisasikan hasrat ini, pelbagai kemudahan disediakan oleh pihak kerajaan. Kita harus menggunakan peluang ini demi kemajuan diri dan negara.

Kemajuan bidang teknologi ini juga secara tidak langsung menyumbang kepada kemajuan sektor perindustrian. Negara dapat mengeksport pelbagai produk industri ke pasaran luar negara. Barang-barang ini turut boleh digunakan oleh rakyat tempatan.

Ayat Aktif	Ayat Pasif
1 Kerajaan menggalakkan orang ramai untuk menceburi bidang teknologi.	
2 Kita harus menggunakan peluang ini demi kemajuan diri dan negara.	
3 Negara dapat mengeksport pelbagai produk industri ke pasaran luar negara.	



Nota Tatabahasa

Ayat Aktif

- Ayat aktif ialah ayat yang mengutamakan pelaku.

Ayat Pasif

- Ayat pasif ialah ayat yang mengutamakan objek sebagai fokus utama.

Teknik Menukarkan Ayat Aktif kepada Ayat Pasif

- Untuk menukarkan ayat aktif bagi pelaku diri pertama dan kedua, buang imbuhan awalan pada kata kerja, tetapi kekalkan imbuhan akhiran sekiranya ada.
- Perhatikan contoh ini:
Ayat aktif: Kita mesti mematuhi peraturan sekolah.
Ayat pasif: Peraturan sekolah mesti kita patuhi.
- Bagi ayat aktif dengan pelaku diri ketiga, kata kerja perlu diberi imbuhan awalan "di-" dan diikuti dengan kata sendi nama "oleh" sebelum subjek.
- Perhatikan contoh ini:
Ayat aktif: Pihak kerajaan perlu mencari jalan penyelesaiannya.
Ayat pasif: Jalan penyelesaiannya perlu dicari oleh pihak kerajaan.